



# SUASANA LUCU DALAM PERADUAN FESYEN KANAK2

**PULAU PINANG 4 April** — Peraduan fesyen yang dijalankan bersempena dengan pembukaan Pesta Pantai di Butterworth baru-baru ini sungguh mengamatkan.

Seramai 20 orang para peserta telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut bagi merebut gelaran Ratu Fesyen Pesta Pantai.

Peraduan tersebut telah dijalankan di pentas A, di dalam hujan, sehingga ada beberapa orang peserta enggan keluar menunjukkan diri, dan ada pula yang keluar dan nyaris-nyaris terjun dari pentas.

Suasana telah menjadi gamat ketika peraduan tersebut dijalankan, kerana yang mengambil bahagian dalam peraduan itu ialah kanak-kanak berumur di bawah sepuluh tahun.

### Terjun

Beberapa ketika penonton-penonton yang menyaksikan terpaksa berkejar ke tepi pentas menyambut kanak-kanak yang mengambil bahagian yang cuba hendak terjun dari pentas mendapatkan ibu mereka di bawah pentas.

Dan tidak kurang pula dari hingar-bingar tangisan para peserta-peserta itu, yang enggan keluar menunjukkan diri kerana peraduan itu dijalankan di dalam hujan.

Dan ada pula di antara kanak-kanak yang menyertai peraduan itu



Adik Ng Wai Leng (Pertama)



Adik Buwanisewari (Kedua)

hanya keluar terus ke tempat hadiah lalu mengambil hadiah, tanpa menghiraukan pengadil-pengadil yang mengadilkan pakalan mereka.

Bagi imanapun peraduan tersebut telah berjalan dari awal hingga akhir dengan suasana yang gamat, dan tiga orang dari mereka telah dipilih sebagai pemenang.

Ratu Pesta Pantai telah disandang oleh adik Ng Wai Leng 5 tahun, kedua adik Buwanisewari 5 tahun, dan ketiga adik Julaiha binti Aziz 6 tahun.

**GAMBAR** atas kiri menunjukkan sebahagian dari 20 orang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam peraduan fesyen pesta pantai tersebut.



Adik Yushizani

## PERUSAHAAN MEMBALAK DAN PEMBUKAAN TANAH DI PROJEK TRENGGANU TENGAH

# Pesaka, Risda turut serta

**SYARIKAT** Pesaka Trengganu dan RISDA akan turut mengambil bahagian dalam bidang perusahaan kayu-kayuan dan pembukaan tanah di bawah Rancangan Trengganu Tengah.

Demikian Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, Enck Wan Nik Ismail memberitahu pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian Kemaman,

KEMAMAN 4 APRIL

di Jalan Masjid di sini baru-baru ini. Katanya, Syarikat Pesaka akan diberi kawasan balak seluas 50,000 ekar di Cherol Ulu Kemaman untuk menjalankan perusahaannya.

Syarikat itu, katanya, akan menjalankan rancangan tersebut secara usaha bersama dengan sebuah syarikat lain.

"Mereka dikehendaki memproses hasil kayu-kayu tersebut di kawasan itu juga, yang dijangka dapat menampung kira-kira 1,000 orang untuk bekerja," kata Wan Nik.

Bellau memberitahu, pihak RISDA akan memulakan kerja membuka satu kawasan tanah seluas 6,000 ekar di Ulu Paka dalam bulan Jun depan, untuk ta-

naman kelapa sawit. Pengurus besar itu berkata, tahun depan pula RISDA akan membuka seluas 14,000 ekar tanah di Kemaman untuk tanaman kelapa sawit juga.

Enck Wan Nik yang juga Setiausaha Perhubungan UMNO Trengganu, menggesa UMNO supaya memelopori bersama dalam bidang kemajuan ekonomi.

Mereka, katanya, boleh menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama yang peluangnya dapat disertai oleh setiap ahli.

Bellau lalu memuji langkah UMNO Bahagian Kemaman yang menubuhkan sebuah syarikat kerjasama serbagunanya sendiri bagi menyambut cabaran kemajuan hari ini.

Usaha-usaha seperti ini, tegasnya, perlu dicontohi oleh bahagian-bahagian lain dalam usaha mengimbangkan antara kekuatan politik dan ekonomi ahli-ahli UMNO.

Bellau mensifatkan Rancangan Trengganu Tengah sebagai satu usaha positif kerajaan hendak membangun dan menyusun infrastruktur rakyat negeri ini.

berkata, syarikat itu telah didaftarkan di peringkat kebangsaan dan syaikat cawangan negeri akan didaftarkan tidak lama lagi.

Bellau berkata demikian, semasa memulakan mesyuarat agung penubuhan Gerakan Bella 4B Jajahan Ulu Kelantan di sini kelmarin.

Penubuhan syarikat tersebut adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang merupakan tujuan penting dalam garis panduan untuk masa lima tahun pergerakan tersebut.

## Merosot ekonomi punca miskin di luar bandar

**KUALA TRENGGANU, 4 April** — Kerosotan ekonomi di kalangan penduduk-penduduk luar bandar merupakan salah satu punca yang menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan; kata Penolong Pegawai Daerah Ulu Trengganu, Enck Wan Ariffin bin Su.

Bagi mengatasi kerosotan tersebut kerajinan mengadakan berbagai-bagai projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Gerakan Pembaharuan.

Projek-projek tersebut, ujarnya, adalah semata-mata untuk membantu mereka supaya mengambil peluang dengan lebih giat lagi demi kemajuan dan kepentingan hidup mereka.

### Agama

Wan Ariffin berkata demikian, ketika berucap merasmikan "Kempen Kesedaran" anjuran Persatuan Mahasiswa Trengganu, Universiti Malaya di Kampung Tengka-wang Ulu Trengganu, kelmarin.

Kempen yang diadakan selama tiga hari itu telah disertai oleh seramai 40 orang mahasiswa Trengganu, termasuk 20 orang wanita yang sedang bertucil.

Tujuan kempen itu diadakan ialah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutama dari luar bandar tentang betapa pentingnya pelajaran, kesihatan dan agama kepada mereka.

Penolong pegawai daerah itu seterusnya berkata, "Sekiranya penduduk-penduduk luar bandar tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk merebut peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan, selagi itulah mereka akan terus ketinggalan.

Bellau meminta penduduk-penduduk di situ memberi kerjasama kepada mahasiswa dan juga kerajaan dalam usaha menubuhkan "Gerakan Pembaharuan" itu. Menurutnya, kempen tersebut adalah penting kepada masyarakat luar bandar untuk mengubah cara hidup, berfikir selaras dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan Gerakan Pembaharuan.

## SRI REMAJA KG. BHARU LAWAT JOHOR 20 APRIL

**KUALA LUMPUR 4 April** — Persatuan Bella Angkatan S:1 Remaja Kampung Baru dengan gabungan Angkatan Bella 4B akan melawat Johor selama 3 hari bermula 20 April ini.

Demikian diberitahu oleh Pegawai Perhubungan Raya Angkatan Bella 4B, Enck Ismail Mohd. Noor kepada Utusan Malaysia kelmarin.

Katanya, lawatan itu bertujuan untuk menguji hubungan baik dengan bella-bella di seluruh negara dan juga untuk meluaskan pengetahuan dengan melawat tempat-tempat yang bersejarah.

Sebelum ini, persatuan ini telah pernah membuat kunjungan ke Pulau Pinang dan juga ke Pantan Timur. Sesiapa yang ingin turut serta dalam rombongan itu diminta berhubung dengan ketua rombongan, Enck Zaidun Mohd. Noor yang beralamat di 3E Jalan Raja Mahadi Kampung Bharu atau melalui talipon, 299049.

## SEGEMAL BERHAD ditubuh utk faedah ahli-ahli 4B Kelantan

**KUALA KRAI, 4 April** — Pergerakan Bella 4B Negeri Kelantan akan menubuhkan sebuah Syarikat Kerjasama-Serbaguna untuk mengukuhkan lagi aktiviti ekonomi serta memberi peluang pekerjaan kepada ahli-ahli.

Syarikat tersebut "Segemal Berhad" akan memainkan peranan dalam perniagaan, pe dagangan dan perusahaan, untuk faedah kira-kira 4,500 orang ahli dari 55 buah gabungannya.

Pengerusi Pergerakan Bella 4B Negeri, Tengku Muhammad Nazrom bin Yusof

## MODESTY BLAISE



## SIRI (10)



## Desak Kementerian ambil langkah segera kawal kenaikan harga bahan-bahan binaan

**KEMENTERIAN** Perdagangan dan Perindustrian didesak supaya mengambil langkah-langkah segera mengawal kenaikan harga bahan-bahan binaan.

Desakan ini telah dibuat oleh beberapa orang pemborong tempatan di sini kelmarin.

Pemborong-pemborong itu bila ditemui di tempat kerja masing-masing menerangkan, jika langkah mengawal harga bahan binaan itu tidak diambil segera, mereka bimbang kerja-kerja pembinaan di negeri ini akan banyak yang terbengkalai.

Mereka memberitahu, kenaikan harga-harga tersebut sejak dua tiga bulan dulu menyebabkan mereka menghadapi beberapa masalah dalam kerja-kerja pembinaan-pembinaan. Menurut mereka masalah yang paling berat dihadapi ialah tawaran-tawaran kerja pembinaan

KUANTAN 4 APRIL

yang telah diterima awal Januari dulu samada akan diteruskan atau tidak.

Pengurus Kerja Syarikat Pemborong Pahang Sendirian Berhad Enck Ramly bin Osman menerangkan, kebanyakan pemborong-pemborong hari ini berada dalam keadaan serba-salah berikutan dengan kenaikan tersebut.

"Kami terima tawaran tiga bulan dulu dengan harga bahan-bahan binaan waktu itu tapi sekarang harga bahan-bahan tersebut telah naik," kata Enck Ramly.

Bellau berkata, jika kerja-kerja pembinaan diteruskan bermakna pemborong-pemborong mengalami kerugian tapi jika dibatalkan nama baik mereka terjejas di pejabat-pejabat berkenaan.

Katanya, harga besi dulu \$480 satu tan, sekarang \$680, pelywood 3 inci dulu \$15.50 sekeping, sekarang \$19.50, kayu dulu \$180 satu tan, sekarang \$200.

Bellau selanjutnya menerangkan, kenaikan harga bahan-bahan itu sejak akhir-akhir ini telah naik tiap-tiap tiga atau empat hari.

Enck Ramly kemudian merayu pihak-pihak berkenaan supaya dapat menubuhkan semua harga-harga tawaran yang telah diberikan kepada pemborong-pemborong negeri ini.

## Guru-guru - ibubapa diseru bersatu majukan anak-anak dalam pelajaran

**SABAK BERNAM, 4 April** — Penolong Pengelola Sekolah-sekolah Kebangsaan Selangor menyeru guru-guru dan ibubapa supaya bersatu tenaga bagi memberi perhatian melatih anak-anak mereka supaya maju dalam pelajaran.

Raja Shahrom bin Raja Abdul Aziz membuat seruan demikian ketika berucap di majlis penyempulanan hadiah murid-murid Sekolah Kebangsaan Bukit Badung 20 batu dari sini baru-baru ini.

### Latih

"Peranan ibubapa terhadap anak-anak ialah menyumbang tugas guru-guru di sekolah bila anak-anak berada di rumah.

"Berilah perhatian kepada sungguh-sungguh kepada anak-anak dengan membimbing latihan membaca dan sebagainya sekurang-kurangnya satu jam," katanya.

Bellau berkata, penyertaan ibubapa ini akan menolong guru-guru dalam usaha memajukan pelajaran di peringkat rendah supaya mendapat kejayaan dalam peperiksaan ujian penilaian.

Sebelum itu, bellau memuji peranan murid dan guru sekolah tersebut yang mengadakan pameran pengajaran dan hadiah-hadiah kepada murid-murid yang maju, setiap tahun.